



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 10 Tahun 2013

PENAMBAHBAIKAN SYARAT TEMPOH PERKHIDMATAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED 52 DI JAWATAN PENSYARAH KANAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan syarat tempoh perkhidmatan ke Gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke 133 pada 10 Mei 2013 telah meluluskan penambahbaikan syarat tempoh perkhidmatan kenaikan pangkat ke Gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan bagi tujuan kenaikan pangkat pensyarah di Universiti Teknologi MARA.

3. Mesyuarat berkenaan telah bersetuju, dalam keadaan istimewa Pensyarah UiTM Gred 45/46 **boleh dipertimbangkan** kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred 52 (Pensyarah Kanan) dengan tempoh sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** apabila:-

- (a) Memperolehi LNPT minimum **85%** bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut atau minima **60%** bagi staf cuti belajar;
- (b) Markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian kenaikan pangkat (templat) mestilah **80%** dan ke atas; dan
- (c) Wajib memenuhi salah satu syarat khusus seperti berikut:-
 - (i) Pengajaran dan Pembelajaran
Contoh: *Certificate in Education (CiED)* / Anugerah Akademik di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa dan lain-lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran; **atau**

- (ii) Penyelidikan
Contoh: Anugerah Penyelidikan peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; **atau**
- (iii) Penerbitan
Contoh: Buku / artikel / bab dalam buku; **atau**
- (iv) Kepakaran
Contoh: Dijemput sebagai penceramah jemputan / panel pakar di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; **atau**
- (v) Khidmat Universiti
Contoh: Aktiviti pelajar, keusahawanan, penjanaan kewangan, jaringan industri dan lain-lain sumbangan kepada pembangunan universiti.

Nota:

*Calon yang tidak menyambung (**melanjutkan**) pengajian ke peringkat PhD/DBA/Sarjana Profesional dalam tempoh tujuh (7) tahun berkhidmat dari tarikh pelantikan di gred jawatan semasa 45/46 tidak akan berpeluang untuk kenaikan pangkat ke peringkat Gred 54 (Profesor Madya). Calon hanya akan melalui kenaikan pangkat biasa ke Gred 52 (Pensyarah Kanan) sahaja. (JKE Bil. 08/2010, 31 Mei 2010)*

4. Mesyuarat juga bersetuju **mengekalkan** pelaksanaan peraturan / prosedur serta syarat-syarat atau kriteria sedia ada bagi staf yang berada sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam tempoh perkhidmatan di gred jawatan semasa.

TUJUAN PELAKSANAAN


5. Pekeliling ini digubal bertujuan untuk memberikan maklumat kepada Bahagian Pentadbiran dan staf akademik di setiap Fakulti/Kampus Negeri mengenai prosedur yang terlibat dalam proses kenaikan pangkat Pensyarah.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 29 Mei 2013.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 10 Mei 2013.



PROFESSOR DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 500-BPD (BPPPK 10/2/4)
No Siri : 100-200-300